

Nota untuk Bahagian G Borang EA: Senarai elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai yang perlu dilaporkan:

BIL.	PERKARA	HAD PENGECAULIAN (SETAHUN)
1.	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau gabungannya antara rumah ke pejabat.	RM2,400 (sehingga tahun taksiran 2010)
2.	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau gabungannya atas urusan rasmi. Sekiranya amaun yang diterima melebihi RM6,000 setahun, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.	RM6,000
3.	Elaun penjagaan anak bagi anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah .	RM2,400
4.	Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu unit bagi setiap aset
5.	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset
6.	Pemberian komputer peribadi baru. Komputer peribadi bermaksud komputer meja, komputer riba dan komputer tangan tetapi tidak termasuk aksesori komputer. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2008 [P.U.(A) 191/2008]	Terhad kepada satu unit sahaja (sehingga tahun taksiran 2010)
7.	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barang berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (i) pencapaian perkhidmatan lalu; (ii) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (iii) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.	RM2,000
8.	Fi letak kereta atau elaun letak kereta termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.	Terhad kepada amaun sebenar yang dibelanjakan
9.	Elaun makan yang diterima secara tetap , contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja. Elaun makan untuk kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan / negara dalam melaksanakan pekerjaan sekiranya diberi berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekeliling / edaran / arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.	
10.	Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan dikecualikan sepenuhnya jika jumlah pinjaman yang diambil secara agregat tidak melebihi RM300,000. Jika amaun pinjaman melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah adalah terhad mengikut formula seperti berikut: $\text{A} \times \frac{\text{B}}{\text{C}}$ Di mana; A = perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; B = jumlah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah; C = ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja.	
PENGECAULIAN INI TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS SYARIKAT, PEMILIK PERNIAGAAN TUNGGAL ATAU AHLI KONGSI PERNIAGAAN PERKONGSIAN		

Nota:

1. Hanya elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai seperti yang tersenarai di atas (Bil. 1 hingga 10) **perlu dilaporkan** dalam Bahagian G Borang EA.
2. Lain-lain elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai tetapi **tidak perlu dilaporkan** dalam Bahagian G Borang EA adalah seperti berikut:
 - (i) Barang yang merupakan produk boleh guna perniagaan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskau sebahagiannya (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Nilai barang adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah **tidak dikecualikan cukai**. Pengecualian terhad kepada RM1,000.
 - (ii) Tambang percutian (pengecualian ke atas manfaat ini hanya terpakai jika ia diperuntukkan kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat).
 - (a) Dalam Malaysia (termasuk perbelanjaan penginapan dan makanan) tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalender; atau
 - (b) Luar Malaysia tidak melebihi sekali dalam satu tahun kalendar, terhad kepada RM3,000.
 - (iii) Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskau (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah **tidak dikecualikan cukai**.
 - (iv) Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina dan Perubatan Tradisional India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Contoh: urutan tradisional Melayu, ayurvedic dan akupunktur. Perubatan komplimentari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian ini.
 - (v) Premium insurans yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gantian kepada sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
 - (vi) Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan.